



Rujukan : ANM.NS.100 – 1/5/3(34)

Tarikh : 24 Januari 2022

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
KERAJAAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN BIL.
5 TAHUN 2021 : MAKLUMAT TAMBAHAN BAGI PROSES SEMAKAN DAN KELULUSAN
PENDAFTARAN/ KEMASKINI DATA INDUK KOD PEMBEKAL DI PORTAL iGFMAS.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, proses penyelenggaraan maklumat bagi empat (4) kumpulan penerima bayaran (NOTE-Nombor Anggota Tentera, Penerima Bayaran Bukan Pembekal, Penjawat Awam dan SUPP-Pembekal Daripada Migrasi Data) telah dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) mulai 11 Mac 2021. Sehubungan itu bagi tujuan melancarkan proses semakan dan kelulusan oleh pejabat ini, semua PTJ hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti yang dinyatakan dalam para 2.4 Arahannya JANM NS Bil. 5 Tahun 2021 bertarikh 15 Mac 2021 berserta dengan maklumat-maklumat yang diperlukan seperti berikut :

Bil.	Perkara
i.	Kod PTJ
ii.	Nama/Perihal PTJ
iii.	Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi di PTJ
iv.	Nombor Telefon Pegawai Yang Boleh Dihubungi di PTJ (Pejabat/ HP)

3. Kegagalan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan dokumen sokongan dan maklumat yang diperlukan, boleh mengakibatkan kuir oleh Pejabat Perakaunan atau kelewatan bagi proses mewujudkan/mengemaskini maklumat penerima bayaran.

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul'

Saya yang menjalankan amanah,

(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A(M))

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan